

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2017
SOALAN : 27

YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis masalah kesihatan mental kanak-kanak dan jumlah yang terlibat di seluruh negara. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu kanak-kanak ini dari segi perubatan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Jenis-jenis masalah kesihatan mental kanak-kanak merangkumi

- i. Sebarang masalah atau isu yang melibatkan emosi, tingkahlaku dan psikologi kanak-kanak contohnya seperti ; *Mood Disorder (Depression), Anxiety Disorder, Conduct Disorder, Eating Disorder, Trauma-related problems, Obsessive Compulsive Disorder;*
- ii. Masalah-masalah yang melibatkan masalah kesihatan emosi dan kesihatan mental ibubapa, juga akan melibatkan kesihatan mental anak-anak.

- iii. Masalah *neurodevelopmental delay* seperti *Intellectual Disability*, *Autism Spectrum Disorder*, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* juga dikategorikan sebagai masalah kesihatan mental, walaupun ada kanak-kanak tersebut dirawat oleh pakar kanak-kanak.

Kanak-kanak dan remaja yang mempunyai masalah kesihatan mental telah bertambah berkali-kali ganda sepanjang dekad yang lalu. Di Malaysia, statistik dari Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (National Health and Morbidity Survey) telah menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja dari 13% pada tahun 1996, 19.4% pada tahun 2006 kepada 20.3% ditahun 2011. Jumlah kanak-kanak (berumur 10 tahun ke bawah) yang mengalami masalah mental yang telah mendapat rawatan di Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan pada tahun 2016 seramai 9,859 orang peningkatan sebanyak 31% berbanding tahun 2015 (7482 kes).

Langkah-langkah yang telah diambil oleh KKM untuk membantu kanak-kanak ini dari segi perubatan adalah menyediakan:

- a) Rawatan psikiatri, di empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital hospital kerajaan di seluruh Malaysia yang menawarkan perkhidmatan:
 - i. Klinik Pakar Pediatrik;
 - ii. Klinik Pakar Psikiari Kanak-kanak & Remaja;
 - iii. Kaunselor;
 - iv. Klinik Psikologi Klinikal;
 - v. Jurupulih carakerja;
 - vi. Jurupulih Pertuturan (Speech Therapist)

- b) Di peringkat kesihatan primer, sebanyak 761 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental dengan lebih 200 orang Pakar Perubatan Keluarga yang terlatih dari aspek kaunseling dan psychoeducation dalam merawat kemurungan dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri. Pasukan Kesihatan Sekolah diadakan dimana saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan juga sedang dikendalikan.
- c) Perkhidmatan Psikiatri KKM juga ada mengadakan lawatan ke sekolah dan bekerjasama dengan kaunselor-kaunselor sekolah, untuk membantu pihak sekolah menangani masalah kesihatan mental/ masalah kelakuan murid-murid di sekolah.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh KKM untuk membantu kanak-kanak ini dari segi pendidikan adalah;

- a) kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja melalui program Minda Sihat Sekolah yang telah bermula sejak tahun 2011. Melalui program ini, sebanyak 2,343 buah sekolah menengah seluruh negara terlibat dalam pelaksanaan saringan minda sihat dalam kalangan pelajar Tingkatan 4. Impak daripada program ini, modul intervensi serta program pencegahan dihasilkan bagi meningkatkan kemahiran gaya daya tindak (coping skill) pelajar apabila berhadapan sesuatu masalah termasuk kejadian buli. Selain daripada itu, pelajar yang dikenal pasti mempunyai masalah kesihatan mental hasil daripada saringan minda sihat ini akan dirujuk ke fasiliti kesihatan yang berdekatan setelah mendapat persetujuan daripada ibu bapa dan penjaga.

- b) Untuk makluman Tuan yang Dipertua dan ahli-ahli terhormat yang lain, Kementerian Kesihatan juga dalam usaha mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melaksanakan saringan minda sihat bagi pelajar kolej komuniti. Usaha ini diharapkan dapat memberi pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan kesihatan mental selain mengenal pasti pelajar yang mungkin mengalami masalah kesihatan mental.